

UniMAP Perluaskan Rangkaian Akademik Dengan Universiti Asia Barat

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meneruskan keterlibatan antarabangsanya dengan universiti dari Asia Barat apabila menyertai Persidangan dan Pameran QS Maple Ke-4 anjuran Universiti Khalifa dan Majlis Pendidikan Abu Dhabi. UniMAP diwakili oleh Dekan Pusat Pengajian Alam Sekitar, Dr. Khairul Nizar Ismail dan Dekan Pusat Pengajian Pembuatan, Dr. Khairul Azwan Ismail.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, persidangan ini merupakan platform terbaik untuk UniMAP berinteraksi dan melibatkan diri dengan rakan-rakan daripada institusi pengajian tinggi di seluruh dunia terutama dari Asia Barat. Selain itu, ia juga merupakan sebahagian daripada persiapan UniMAP sebelum menjadi hos bersama penganjuran Persidangan dan Pameran QS Maple kali ke-7 pada tahun 2017.

Sebanyak 148 institusi dan 300 perwakilan dari 48 negara hadir pada majlis ini. Selain persidangan dan pameran, turut diadakan majlis penyampaian sijil QS Star kepada beberapa universiti. UniMAP turut menerima sijil QS Star dengan pencapaian keseluruhan 3 bintang. Selain itu, UniMAP turut menerima penarafan 5 bintang untuk Pengajaran & Pembelajaran dan Kemudahan Pembelajaran